

Mahathir tak senang dengan Pakatan Kerjasama Ekonomi Pacific

U.M. 3 - JUL 1991

BEUNOS AIRES 2 Julai — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad telah menyatakan rasa tidak senangnya terhadap Pakatan Kerjasama Ekonomi Pacific (APEC) yang terlalu memilih keanggotaannya.

Sambil menyifatkan ini sebagai suatu kelemahan APEC, Dato' Sri Dr. Mahathir menyatakan bahawa Malaysia mahukan China dan negara - negara Latin Amerika di persisiran Lautan Pacific menyertai pakatan ini.

Menurutnya lagi keanggotaan APEC sekarang adalah tidak mengikut kedudukan geografi.

Selain dari itu banyak negara yang tidak diterima menjadi anggota kerana tidak mengamalkan sistem pasaran bebas dan ada pula negara yang mengamalkannya tidak juga diterima menjadi anggota, katanya.

Beliau menegaskan bahawa Malaysia akan mengalu - alukan penyertaan mana-mana negara ke dalam pakatan itu tanpa mengira sama ada ia mengamalkan pasaran bebas atau tidak.

Negara - negara Amerika Latin juga mestilah dimasukkan ke dalam APEC, tegasnya.

Kepada suatu pertanyaan dari wartawan Radio Australia sama ada lawatannya ke negara - negara Amerika Latin kerana pintu mereka sudah terbuka atau kerana Malaysia mahu memaksa mereka membuka pintu, Dato' Sri Dr. Mahathir menjawab "kami tidak mempunyai kekuatan untuk berbuat demikian, bukanlah cara kami untuk mengilas tangan orang lain.

"Kedatangan kami ke sini adalah oleh kerana

negara - negara ini telah membuka pasaran mereka. Banyak yang kami boleh tawarkan kepada mereka dan demikian juga sebaliknya."

Di samping itu Dato' Sri Dr. Mahathir juga memberitahu bahawa di dalam masa lawatannya, pihak Malaysia telah pun mengadakan rundingan dengan syarikat - syarikat penerbangan Chile, Brazil dan Argentina bagi membolehkan MAS terbang menerusi jalan selatan ke Amerika Latin.

Katanya, penerbangan ini akan diadakan secara berkongsi antara empat syarikat penerbangan supaya dengan itu dapat ditutup kerugian yang mungkin berlaku kerana kekurangan penumpang pada peringkat awal pelancarannya.

"Kami telah pun mengemukakan cadangan ini kepada semua syarikat penerbangan yang terlibat dan banyak lagi masalah yang perlu diselesaikan sebelum ia dapat dilaksanakan," katanya.

Sementara itu di dalam ucapannya kepada ahli - ahli perniagaan dan usahawan Argentina hari ini, Dato' Sri Dr. Mahathir memberitahu dengan pertumbuhan pendapatan per kapita dan juga pasaran import yang bebas, Malaysia memerlukan banyak gandum, daging lembu, makanan dalam tin, buah - buahan, makanan laut, jentera dan lain - lain barang pengguna.

Dato' Sri Dr. Mahathir gembira kerana sebahagian dari keperluan itu telah pun dibekalkan oleh Argentina.

Malaysia pula, katanya, boleh membekalkan bahan - mahan mentah seperti getah, koko, minyak dan komponen perusahaan dan elektrik bagi memenuhi keperluan perusahaan Argentina.